

Shariff Omar ³⁹ bersyukur di atas pelantikannya

UM 11.12.99
TASIK GELUGOR 10 Dis.
— Ahli Parlimen Tasik Gelugor, Datuk Seri Mohd. Shariff Omar **mela-**hirkan rasa syukur **beri-**kutan pelantikan beliau sebagai Timbalan Menteri Pertanian hari ini.

Shariff yang ditemui di kediamannya di **sini** turut mengucapkan terima **kas-**ih kepada **Perdana Mente-**ri, Datuk Seri Dr. **Maha-**thir Mohamad kerana **memberi** kepercayaan **ke-**pada beliau untuk **memi-**kul tanggungjawab itu.

“**Saya** bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Dr. Mahathir **atas** pelantikan **ini** dan **saya** berazam untuk memikul amanah dan **tanggungja-**wab itu dengan sebaik mungkin,” katanya.

Shariff, 52, sebelum menjadi Timbalan Ketua

Menteri Pulau Pinang **pada** tahun 1996 pernah dilantik sebagai **Setiausa-**ha Parlimen Kementerian Pertanian mulai tahun 1990 hingga 1995.

Pendidikan

Mengenai pelantikan bekas Naib Canselor **Uni-**versiti Sains Malaysia (**USM**), Tan Sri Musa Mohamad sebagai Menteri Pendidikan, Shariff **me-**nyifatkan pelantikan **ter-**sebut **amat** tepat kerana Musa merupakan tokoh pendidikan yang **berpeng-**alaman luas.

“Sebagai orang yang **be-**gitu arif **tentang perkara-**perkara berkaitan **pendi-**dikan, **saya** percaya beliau mampu meningkatkan ta-raf pendidikan negara, ” ujarnya **lagi**.